

SOALAN-SOALAN LAZIM BAYARAN HAJI & BANTUAN KEWANGAN HAJI BAGI TAHUN 1446H/2025M

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah cara pemilihan Bakal Haji (BH) bagi musim haji 1446H/2025M?	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah pemilihan bakal haji pada tahun ini adalah sama seperti kaedah sebelum ini, iaitu berdasarkan tarikh dan masa daftar haji di mana yang dahulu didahulukan.
2.	Berapakah kuota Haji Malaysia?	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Arab Saudi telah meluluskan sebanyak 31,600 kuota haji untuk jemaah Malaysia bagi 1446H/2025M. • Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (Organisation of Islamic Cooperation – OIC) pada tahun 1988 di Amman, Jordan, telah menetapkan bahawa kuota haji sesebuah negara adalah 0.1% daripada jumlah penduduk Islam negara tersebut.
3.	Berapakah kos haji pada musim haji ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Kos haji kekal sama seperti musim haji yang lalu, iaitu RM33,300 seorang.

4.	Apakah kadar bayaran haji pada tahun ini?	<ul style="list-style-type: none"> • TH meneruskan tanggungjawab Bantuan Kewangan Haji secara bersasar kepada bakal jemaah haji Muassasah dalam kategori B40 dan M40 yang pertama kali menunaikan ibadah haji. • TH telah menetapkan kadar bayaran haji seperti berikut:- <table border="1" data-bbox="824 483 1951 1043"> <thead> <tr> <th>KATEGORI</th> <th>ASAS PENENTUAN</th> <th>BAYARAN HAJI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B40</td> <td>Penerima sumbangan program bantuan kewangan kerajaan bagi B40 seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain program.</td> <td>RM15,000*</td> </tr> <tr> <td>M40</td> <td>Bukan dalam kategori B40 dan T20</td> <td>RM23,500</td> </tr> <tr> <td>T20</td> <td>Individu dengan pendapatan melebihi RM15,000 sebulan</td> <td>RM33,300</td> </tr> <tr> <td>Rayuan Haji</td> <td>Rayuan yang berjaya</td> <td>RM33,300</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="824 1058 1850 1139">*Selepas menerima RM1,000 bantuan Kerajaan Malaysia. Bayaran asal adalah RM16,000.</p>	KATEGORI	ASAS PENENTUAN	BAYARAN HAJI	B40	Penerima sumbangan program bantuan kewangan kerajaan bagi B40 seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain program.	RM15,000*	M40	Bukan dalam kategori B40 dan T20	RM23,500	T20	Individu dengan pendapatan melebihi RM15,000 sebulan	RM33,300	Rayuan Haji	Rayuan yang berjaya	RM33,300
KATEGORI	ASAS PENENTUAN	BAYARAN HAJI															
B40	Penerima sumbangan program bantuan kewangan kerajaan bagi B40 seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain program.	RM15,000*															
M40	Bukan dalam kategori B40 dan T20	RM23,500															
T20	Individu dengan pendapatan melebihi RM15,000 sebulan	RM33,300															
Rayuan Haji	Rayuan yang berjaya	RM33,300															

5.	Adakah perkhidmatan akan ditambah baik dengan bayaran yang meningkat?	<ul style="list-style-type: none"> ● Kos Haji kekal pada RM33,300 seorang. ● TH telah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan. ● Keutamaan adalah keselamatan, keselesaan dan kebajikan jemaah haji. ● Sebagai contoh, tawaran haji sekarang dibuat melalui platform digital THijari. ● Program bimbingan juga dibuat melalui platform digital termasuklah soal jawab berkenaan ibadat semasa di tanah suci. ● Antara perkhidmatan baharu yang dilaksanakan ialah proses digitalisasi pemeriksaan kesihatan dan pendaftaran pasport untuk mendapatkan visa.
6.	Adakah bakal haji yang tidak ditawarkan bantuan kewangan haji boleh membuat rayuan kepada TH untuk menerima bantuan tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> ● Penetapan kadar bayaran adalah muktamad.

7.	Adakah bakal haji yang membuat rayuan luar tahun giliran perlu membayar penuh bayaran haji?	<ul style="list-style-type: none"> • Bakal Haji perlu membayar Kos Haji sebanyak RM33,300 kecuali mereka yang membuat rayuan :- <ol style="list-style-type: none"> i. Mahram kepada bakal haji yang telah terpilih ii. Pengiring kepada bakal haji lanjut usia berumur 75 tahun ke atas yang telah terpilih. iii. Pengiring kepada jemaah kelainan upaya yang telah terpilih menunaikan haji. iv. Giliran sebelum tahun semasa
8.	Berapakah jumlah bantuan kewangan haji?	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bantuan Kewangan Haji pada musim haji kali ini dianggarkan berjumlah RM261 juta dan ini menjadikan jumlah terkumpul meningkat kepada lebih RM2.8 billion dalam masa 25 tahun. Jumlah bantuan yang besar ini telah memberikan kesan langsung terhadap kemampuan kewangan TH dan pulangan kepada pendeposit.</i> • Bakal haji kumpulan B40 yang mendapat Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau lain-lain bantuan kewangan dari Kerajaan untuk golongan B40 akan menerima Bantuan Kewangan Haji sebanyak RM17,300 seorang atau lebih separuh (52 peratus) daripada keseluruhan Kos Haji. • Bakal haji kumpulan M40 pula akan menerima Bantuan Kewangan Haji berjumlah RM9,800 seorang atau 29 peratus daripada keseluruhan Kos Haji.

9.	Bilakah surat tawaran haji akan dikeluarkan?	<ul style="list-style-type: none">• Surat tawaran haji kepada 31,600 bakal jemaah bagi tahun 1446H/2025M akan mula dikeluarkan pada 16 Disember 2024.• Bakal haji hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan serta lulus terlebih dahulu dan mencukupkan bayaran haji sebelum melengkapkan jawapan tawaran menunaikan haji melalui THiJARI.
----	--	--